KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	16/11/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPSM PULAU PINANG			

Pokok bakau penampan tsunami

BALIK PULAU – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memberitahu pihaknya telah menanam lebih 50,000 batang pokok bakau di sekitar negeri ini sebagai usaha untuk memperkukuhkan kawasan itu sebagai zon penampan ombak.

Datuk Bandar MBPP, Datuk Yew Tung Seang berkata, ia merupakan sebahagian daripada 100,000 batang pokok yang disasarkan ditanam di sekitar Pulau Pinang menjelang 2030.

Terbaharu katanya, MBPP telah menanam 5,000 anak pokok bakau di Hutan Simpan Balik Pulau di Jalan Bharu di sini untuk memulihara ekosistem serta mewujudkan lokasi perlindungan hidupan marin di kawasan tersebut.

"Sejak 2008 hingga November tahun ini, kami telah menanam sebanyak 54,856 batang pokok pelbagai spesies termasuk api-api di beberapa lokasi termasuk di kawasan paya bakau sebagai usaha untuk menghijaukan lagi negeri ini.

"Kami yakin sasaran 100,000 batang pokok ditanam akan berjaya dicapai dengan komitmen serta kerjasama daripada pelbagai agensi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri, Muhamad Ezhar Yusof dan 100 petugas MBPP untuk melaksanakan kerja-kerja penanaman itu.

Sementara itu, Muhamad Ezhar berkata, kawasan paya bakau di hutan simpan itu seluas 166 hektar dan setiap tahun pihaknya akan menanam anak pokok bakau serta spesies lain secara berterusan untuk mengekalkan ekosistem di situ.

"Kawasan ini pernah dilanda tsunami suatu ketika dahulu dan sebab itu kita menanam pokok bakau kerana ia dapat mengurangkan impak bencana tersebut. Jadi ia mesti dipelihara agar ia terus kukuh untuk menampan ombak, hakisan dan perlindungan hidupan marin," katanya.



TUNG SEANG (empat dari kanan) menunjukkan isyarat bagus selepas menanam anak pokok bakau bersama staf MBPP di Hutan Simpan Balik Pulau semalam.

Kosmo 16.11.2021_14